

GERAKAN AGAMA TASLIM DI JOHOR (1946-1956)

Rahmat bin Saripan

MUKADIMAH

Sejarah gerakan sosial agama, khususnya di kawasan desa di kalangan kaum tani, masih belum didokumentasi dengan terperinci oleh pengkaji sejarah masyarakat Melayu. Justeru kerana itu percubaan ini adalah merupakan satu kajian bercorak dokumentasi sejarah mengenai aspek-aspek utama gerakan agama Taslim di negeri Johor yang berkemungkinan dapat memulakan langkah ke arah penelitian dan penulisan tentang perkembangan sejarah gerakan sosial agama.

Kertas ini berlandaskan dokumen-dokumen rasmi dan tidak rasmi yang terdapat dalam Arkib Negara Malaysia, Cawangan Johor di Johor Bahru. Hampir keseluruhan kisah-kisah mengenai perkembangan peristiwa gerakan agama Taslim yang anti-agama Islam diperolehi dari fail-fail Pejabat Agama Johor (PAJ), sama ada dari catatan-catatan kalangan pegawai-pegawai, mahupun surat-surat dan ikrar-ikrar di kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam gerakan agama Taslim kepada pihak PAJ.

Tujuan kertas ini ditulis ialah cuba membicarakan tiga aspek penting gerakan agama Taslim:

1. Peristiwa sejarah penubuhan dan perkembangannya, khususnya di tempat-tempat kejadian iaitu di kampung Tasik dalam Mukim Gemereh di daerah Segamat dan di Kampung Telok Sari di daerah Mersing sebelum merdeka (1946-1956). Kampung-kampung Melayu dalam daerah Segamat merupakan kampung-kampung petani tetapi sebaliknya kampung Telok Sari di Mersing adalah kawasan desa yang sebahagian besarnya diduduki oleh kaum nelayan.

2. Pemikiran agama Taslim yang didakwa oleh penyebar-penyebarnya sebagai agama Islam "sejati" atau "agama niat" di-huraikan seiringan dengan asas-asas iktiqad atau pegangan yang menggariskan dimensi ideologi gerakan.

3. Tahap perkembangan agama Taslim yang memaparkan *modus operandi* gerakan yang bertentangan dengan syariat agama

Islam. Ciri-ciri *modus operandi* akan dihuraikan satu persatu untuk menjelaskan bagaimanakah faham agama Taslim meresap masuk di kalangan orang-orang Melayu di kawasan desa.

Keterangan mengenai aspek-aspek iktiqad dan *modus operandi* atau cara-cara gerakan yang diteliti dalam kertas ini telah dirakamkan dan diterbitkan oleh pihak Pejabat Agama. Sumbangan Abdul Jalil bin Hassan, Penolong Mufti Kerajaan Johor, pada awal tahun 1950, dalam bentuk dua buah makalah yang ringkas dan padat dengan intisari kepercayaan dan iktiqad agama Taslim sangat bermanfaat dari segi dokumentasi mengenai aspek ideologi penentangan gerakan Taslim terhadap pihak berkuasa kerajaan negeri. Rencana pertamanya membicarakan: a) sepuluh unsur agama Taslim yang difatwakan “sesat” telah disenaraikan dari perkara mengenal Allah kepada perkara sembahyang Jumaat; b) peraturan mengambil ijazah iktiqad Taslim; dan c) jampi sejati. Artikel keduanya pula meliputi cara-cara gerakan Taslim bergiat yang pada hakikatnya bermatlamat membina suatu bentuk kepercayaan agama menurut “hawa nafsu” dan khayalan yang melanggar kaedah dan usul bahasa agama Islam (Arab) serta merosakkan asas-asas agama Islam yang sabit dengan nas-nas Quran, hadis dan ijmak ulama.¹

Aspek ajaran-ajaran agama Taslim telah disentuh oleh Syed Naquib al-Attas. Walau bagaimanapun doktrin Taslim ditinjau dari sudut falsafah Sufi yang difahami dan diamalkan oleh orang-orang Melayu di kawasan desa.² Kajian dalam kertas ini tidak bertujuan untuk meneliti dan membahaskan unsur-unsur tasawuuf yang terkandung dalam kepercayaan gerakan Taslim, tetapi setakat menjelaskan corak penyelewengan yang dilakukan ke atas ayat-ayat Quran, hadis dan taklif syarak sebagai manifestasi bentuk-bentuk penentangan terhadap agama Islam.

Ditinjau dari perspektif sejarah penjajahan British, A.J. Stockwell telah menulis sedikit tentang kegiatan politik yang dimainkan oleh orang-orang Melayu yang terlibat dalam gerakan Taslim, teristimewa tokoh-tokoh Taslim yang menyertai perjuangan menentang penjajahan British khususnya di zaman Malayan Union (1946-48). Kegiatan mereka dimasukkan ke dalam kategori gerakan-gerakan yang diistilahkan sebagai “cult movements” yang bermatlamat mendapatkan “political control” (penguasaan politik) di peringkat desa di kalangan kaum tani sebagaimana yang ditegaskan:

... that cult movements might contribute to instability within the Malay society itself. Thus religious heresays were distrusted by the authorities which saw them as

a threat to the position of the Sultan and the *mufti*. One heresay was *Taslim*, which means “salutation” or “benediction” and was also known to the Malays as *ugama niat* (the religion of the will or vow). *Taslim* was said to have originated in Penang and to have been preached in Perak and Johore before the war and in Negeri Sembilan during the Japanese occupation.³

Kajian Stockwell berasaskan kepada dokumen-dokumen British dan akhbar-akhbar tempatan berbahasa Melayu yang melaporkan kegiatan-kegiatan orang-orang Melayu yang beragama Taslim. Senarai bibliografinya tidak menunjukkan bahawa penulis itu telah menyemak bahan-bahan arkib (bertulisan Jawi) yang diperolehi dari PAJ. Berasaskan kepada laporan yang terdapat dalam fail Resident Commissioner Johor, misalnya beliau mengisahkan:

In August 1946 a young Malay, dressed in a white shirt, black waistcoat and with long flowing hair, arrived in Segamat (Johore) either from Kelantan (as he said at one time) or from Java on the back of a fish (as he claimed on another occasion). This Malay preached a simplified form of Islam which dispensed with the five daily prayers, the Ramathan [*sic* Ramadan] fasting and the pilgrimage to Mecca. An intending convert, after a solemn and secret oath, would receive (on payment of \$35 dollars) seven hairs from this prophet’s head to be worn as a talisman.⁴

Petikan di atas mengandungi kekeliruan yang perlu dijelaskan. Apa yang dikatakan sebagai “a simplified form of Islam which dispensed with the five daily prayers ...”, sebenarnya bukan Islam. Tidak syak lagi bahawa suatu agama yang mengajar pengikut-pengikutnya supaya “meninggalkan” sembahyang lima waktu sehari semalam, mengingkari puasa di bulan Ramadan dan zakat adalah terkeluar atau “murtad” dari agama Islam.

Kajian Abdul Fatah Haron bin Ibrahim tentang ajaran sesat menunjukkan bahawa agama Taslim tergolong dalam gerakan Batiniah yang sesat dari segi kepercayaan dan doktrinnya. Akan tetapi tulisan Abdul Fatah tidak merujuk kepada aspek-aspek perkembangan peristiwa sejarah, kepercayaan dan cara-cara gerakan Taslim yang terdapat di kalangan orang-orang tani negeri Johor. Namun begitu kajian Abdul Fatah yang banyak merujuk kepada kitab-kitab dalam bahasa Arab mengenai ajaran-ajaran Tasawuuf dan batiniah telah memberikan asas-asas kefahaman yang merujuk kepada masalah ajaran sesat yang terdapat dalam gerakan Batiniah di kalangan orang-orang Islam amnya, dan implikasinya terhadap masyarakat Melayu khususnya.⁵

PERISTIWA KEMUNCULAN GERAKAN TASLIM

Tokoh yang terkenal mengasas dan menyebarkan ajaran Taslim di Negeri-negeri Melayu dikatakan bernama Haji Ahmad Syafie berasal dari Sumatera, Indonesia. Menurut suatu riwayat mengenai-nya, beliau telah pergi ke negeri Kedah bermunazarah dengan seorang tokoh ulama (Mufti Kerajaan Negeri Kedah) bernama Syeikh Abdul Rahman al-Jarumi. Apabila ditanya oleh Syeikh Abdul Rahman tentang Tuhan, Haji Ahmad telah menunjuk kepada matahari. Dari peristiwa itu, Haji Ahmad telah diusir dan diharamkan masuk ke negeri Kedah buat selama-lamanya. Dari peristiwa itu juga Haji Ahmad dikenal sebagai Haji Ahmad Matahari. Sebenarnya ajaran Taslim bukanlah bertuhankan matahari tetapi isyarat matahari itu adalah suatu perbandingan semata-mata.⁶

Kajian Abdul Fatah Haron menjelaskan bahawa Haji Ahmad adalah bekas pelajar pondok di Sumatera. Abdul Fatah mencatatkan:

Ia datang kira-kira pada tahun-tahun 1930-an atau empat puluh di Semenanjung ini dan hidup berdagang menjual ubat di Pulau Pinang. Ketika inilah ia berjumpa dengan seorang India. Dari perjumpaan ini ia mula menegakkan ajaran "Agama Taslim" yang dikenal sehingga kehari ini.

Gerakan Taslim telah dapat dikesan di negeri Johor oleh PAJ pada akhir tahun 1946. Namun begitu setakat ini belum ada dokumen yang menyebut nama Haji Ahmad (Matahari) sebagai guru atau wakil Taslim di negeri Johor. Oleh kerana gerakan ini menjalankan kegiatan dengan cara sulit iaitu merahsiakan ajarannya yang bertentangan dengan syariat Islam itu, maka besar kemungkinannya ajaran ini telah bertapak beberapa tahun sebelum tahun 1946. Di samping itu, kemungkinan Haji Ahmad terlibat secara langsung atau melalui wakil-wakilnya dalam penyebaran kepercayaan Taslim di negeri Johor memang tidak diketepikan. Walau bagaimanapun kajian kertas ini meninjau permulaan perkembangan gerakan Taslim menurut laporan seorang Pemeriksa Hal-hal Agama negeri Johor pada 5 Disember, 1946. Dokumen yang penting itu menyebut tentang dua orang guru Taslim di dapati mengajar ilmu agama sesat ini di Kampung Tasek, Segamat Johor. Nama-nama mereka ialah: 1) Kang Mat Ihsan, dan 2) Haji Yusoh. Laporan ini tidak menyebut nama tokoh yang digelar "Rasul" Taslim di Pulau Pinang.⁸

Pada tahun 1947, pengikut-pengikut agama Taslim telah ditangkap oleh pihak PAJ, didakwa dan diarahkan supaya "ber-

taubat” di Mahkamah Kadhi Segamat. Walau bagaimanapun mereka telah enggan bertaubat dan seterusnya diisytiharkan “murtad”.⁹

Laporan dan surat-surat yang terkandung dalam fail Kadhi Besar Johor (KBJ 60/47) yang dikatakan banyak memberikan maklumat mengenai gerakan ini (menurut keterangan yang terdapat dari fail-fail berkaitan dengannya) diperingkat awal tidak tersimpan di Arkib. Laporan bulanan mengenai perjalanan dan perbicaraan Mahkamah Syariah Segamat terdapat dalam fail KBJ 26/47. Akan tetapi maklumat lanjut tentang tindakan kerajaan ke atas tokoh-tokoh Taslim tersebut agak kurang jelas.

Terbukti bahawa tindakan pihak berkuasa memerintahkan supaya mereka bertaubat. Sungguhpun mereka diisytiharkan terkeluar dari agama Islam, mereka enggan menamatkan riwayat gerakan Taslim, malah bertambah giat.¹⁰

Di antara tahun 1949 hingga 1952, tidak ada maklumat yang jelas mengenai gerakan Taslim di samping boleh dikatakan hampir tidak ada tindakan pihak berkuasa ke atas gerakan Taslim. Akibatnya gerakan itu bertambah cergas, bukan sahaja secara sulit tetapi mula menampakkan tanda-tanda mereka sudah berani bergiat secara berterang-terangan sehingga dapat sampai ke pengetahuan umum di daerah Segamat di samping itu terbit pula laporan mengenainya dalam sebuah akhbar yang terkemuka di Tanah Melayu pada zaman itu menyatakan:

“Nabi Taslim” melawat Segamat. “Pengikut-pengikutnya” mengadakan sambutan istimewa.”

Adalah diberitakan bahawa “Nabi Taslim” dari Bayan Lepas, Pulau Pinang telah tiba di Segamat baharu-baharu ini kerana melawat “pengikut-pengikutnya” yang ada tinggal di sebuah kampung dalam Mukim Gemereh di sini. Kedatangan “Nabi Taslim” itu diberitakan telah mendapat sambutan istimewa dari “pengikut-pengikutnya”.

Suatu majlis perjumpaan dan jamuan telah diadakan di sebuah kedai dalam bandar Segamat di mana hamparan kain kuning diberitakan telah dibentangkan sebagai tempat duduk “Nabi Taslim” itu.

Perlu disebut kepercayaan “Taslim” itu telah merebak di Segamat hampir sepuluh tahun sudah dengan mendapat sambutan yang baik dari pengikut-pengikutnya lelaki dan perempuan.

Jabatan Agama Johor banyak kali telah bertindak menghapuskan kepercayaan Taslim di antara penduduk-penduduk kampung di Segamat dan pernah juga beberapa orang dibicarakan di Mahkamah Syariah terhadap orang yang didakwa-nya itu tiadalah diumumkan kepada ramai.

Orang-orang yang berpegang kepada kepercayaan Taslim di Segamat ini nampaknya terbebas daripada apa-apa juga hukuman atau undang-undang syariah Jabatan Agama Johor.

Pengikut Taslim itu dikatakan terbebas daripada hadir sembahyang Jumaat, membayar zakat, sebarang zakat sama ada zakat harta perniagaan hatta zakat fitrah. Kebanyakan orang ramai Islam di Segamat terkeliru tentang bebasnya pengikut-pengikut Taslim daripada perintah-perintah Jabatan Agama Johor dalam segenap hal itu dan orang penerangan Jabatan Agama Johor dalam hal ini supaya rasa keliru itu hapus. Pemberita sukarela kita.

Nampaknya pihak orang ramai di Mukim Gemereh tidak berdiam diri dalam menghadapi cabaran orang-orang Taslim. Melalui institusi Majlis Mukim atau Mukim Council Gemereh, Segamat mereka menghantar surat kepada Yang Dipertua, PAJ supaya memberikan garis panduan atau cara bersosialisasi dengan orang-orang Taslim. Secara khususnya, mereka mahupun fatwa dari Mufti Kerajaan Johor mengenai hubungan sosio-agama teristimewa dalam masalah 1) nikah kahwin dalam bidang munakahat, 2) pesaka dalam bidang fara'id, 3) menyempurnakan mayat dalam bidang ibadat fardhu kifayah, dan 4) tempat perkuburan orang-orang Taslim.¹²

Apa yang perlu diulas di sini ialah mereka yang memeluk agama Taslim menganggap diri mereka sebagai penganut-penganut "Islam Sejati" sungguhpun iktiqad mereka sudah terkeluar daripada agama Islam yang sebenar sepertimana yang telah diisytiharkan dalam Pekeliling Pejabat Agama Johor tahun 1946.

Kegiatan mereka menentang kewibawaan Pejabat Agama dapat dilihat dengan jelas sebagaimana yang dilaporkan sendiri oleh Kadhi Segamat dalam suratnya berbunyi:

Orang-orang Taslim itu bebas tiada sembahyang Juma'at, berkahwin dengan cara Taslim dan bebas berhubung dengan orang-orang Taslim di *headquarters*nya di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Orang Taslim memandang Pejabat Kadhi Segamat daripada semenjak perbincangan 1947 sebagai musuh yang meluat tetapi dapat juga hamba Engku menasihatkan mereka.¹³

Ternyata dari surat-surat yang ditulis oleh Kadhi Segamat kepada PAJ seperti di atas itu, bahawa "nasihat dan tunjuk ajar" dari pihak berkuasa kerajaan kurang memberi kesan positif, sebaliknya pihak pentadbiran agama dimusuhi. Bilangan mereka yang dikenalpasti oleh Pejabat Kadhi sebenarnya tidak melebihi 100 orang,¹⁴ tetapi implikasi kegiatan mereka dalam masyarakat Melayu di Segamat khususnya dan di negeri Johor amnya amatlah besar. Justeru kerana itu bahayanya telah dihebahkan di masjid-masjid

negeri Johor melalui khutbah-khutbah sembahyang Juma'at sebagaimana yang didokumentasikan dalam *Warta Jabatan Agama Johor*.¹⁵

Setelah langkah-langkah yang lebih positif di ambil oleh pihak Jabatan Agama, menjelang awal tahun 1956 sudah ada seorang yang dikatakan terkenal sebagai tokoh Taslim yang berpengaruh tetapi "rujuk" kepada PAJ telah menghubungi Kadhi Segamat. Tokoh ini bernama Encik Ghazali bin Manaf telah datang bertemu Kadhi Segamat dan menyatakan bahawa orang-orang Taslim ada menaruh harapan untuk berbalik atau rujuk kepada pihak Pejabat Agama sekiranya langkah memujuk mereka dijalankan secara halus dengan penuh kesabaran.¹⁶ Mereka nampaknya telah mula hendak mendekati diri dengan undang-undang syarak yang dilaksanakan oleh pihak PAJ apabila Ghazali menyatakan bahawa mereka sudah mahu berunding dan menunjukkan kesediaan menjelaskan bayaran zakat fitrah selama lapan tahun (sejak 1947), mendaftarkan nikah kahwin, cerai dan rujuk di Pejabat Kadhi Segamat. Mana-mana perkara nikah kahwin, cerai dan rujuk yang tidak didaftarkan itu selama lapan tahun juga didaftarkan.¹⁷

Sungguhpun mereka menunjukkan bahawa mereka sanggup berlembut dengan hal-ehwal nikah kahwin dan bayaran zakat, mereka tidak sanggup beralah dalam hal mendirikan sembahyang Juma'at. Tuntutan orang-orang Taslim di Segamat ialah supaya mereka dibenarkan oleh pihak Pejabat Agama membina sebuah masjid sendiri dan mendirikan sembahyang Juma'at dengan berimamkan seorang beragama Taslim.¹⁸ Implikasi tuntutan ini ialah mereka berusaha mendapatkan pengiktirafan daripada pihak berkuasa agama negeri Johor terhadap perkumpulan mereka sebagai suatu kelompok masyarakat yang beragama Taslim.

Pihak Kadhi Segamat bersetuju dengan cadangan mereka untuk mendirikan sebuah masjid sendiri, tetapi mengenakan syarat bahawa imam sembahyang Juma'at mestilah daripada Pejabat Kadhi Segamat.¹⁹ Nampaknya mereka enggan bersetuju dengan syarat Kadhi Segamat. Keengganan mereka membuktikan bahawa mereka sebenarnya tidak bersungguh-sungguh untuk mendirikan sembahyang Juma'at kerana hari Juma'at bagi mereka mempunyai pengertian yang lain yang akan dihuraikan dalam aspek kepercayaan dan iktiqad mereka.

Encik Ghazali telah berjanji dengan pihak Kadhi Segamat untuk berusaha merundingkan persetujuan orang-orang Taslim dengan syarat imam Juma'at adalah daripada Pejabat Kadhi itu. Beliau telah memberikan tempoh selama seminggu untuk mendapatkan persetujuan mereka.²⁰

Sehingga selepas beberapa hari dari peristiwa lawatan YDP ke Segamat untuk meninjau masalah gerakan Taslim secara lebih dekat pada 7hb. April, 1956, ternyata bahawa masalah sembahyang Juma'at di kalangan orang-orang Taslim masih belum dapat diatasi, walaupun tempoh yang telah diberikan oleh bekas pemimpin Taslim sudah terlewat selama dua hari.²¹

Apakah sebabnya orang-orang Taslim tidak mahu menunaikan fardhu Juma'at sepertimana yang ternayata dalam dokumen-dokumen sejarah gerakan itu di Segamat? Tidak ada catatan yang memberikan penjelasan mengenai sembahyang berjemaah di Segamat tetapi terdapat dokumen yang menjelaskan kedudukannya di daerah Mersing, Johor. Akan tetapi pertumbuhan gerakan Taslim di Mersing agak lewat, iaitu mula muncul pada tahun 1954 dan telah dapat dibanteras setahun kemudiannya. Keengganan mereka mendirikan sembahyang Juma'at berkaitan rapat dengan iktiqad agama Taslim sebagaimana yang dirakamkan oleh seorang pesara yang menjalankan pekerjaan berniaga di Mersing dalam laporannya kepada Pejabat Agama, iaitu: "... sembahyang [orang-orang Taslim] tidak boleh jemaah (*nafsu nafsi*)..."²²

Kumpulan Taslim di Mersing tidaklah seramai orang-orang Taslim di Segamat, kerana mereka baru memulakan kegiatan di sebuah rumah di Kampung Telok Sari kepunyaan Pak Cik Lamah pada tahun 1954 apabila pihak Jabatan Agama mendapat laporan mengenainya.²³ Lagipun daerah Mersing adalah lebih terpencil dari daerah Segamat. Namun begitu sikap penentangan mereka terhadap golongan ulama Islam adalah lebih keras apabila mereka mengecam golongan ulama sebagai golongan masyarakat yang telah menggunakan Quran dan kitab-kitab agama sebagai modal untuk mencari nafkah hidup.²⁴

Sebagaimana juga halnya di Segamat, pemimpin dan pengikut-pengikut agama Taslim menjalankan kegiatan mereka secara "bersulit-sulit" kerana mereka menyedari hakikat bahawa perkara-perkara yang disebar di kalangan orang-orang Melayu di desa itu menyalahi hukum syarak.²⁵

Amalan-amalan sembahyang mereka yang dikatakan telah bercanggah dengan syarak ialah perbuatan menambah kata-kata atau sebutan-sebutan yang tidak sah dalam sembahyang, misalnya mengucap "wujud Allah Ta'ala" semasa sujud dan "wujud Nabi Muhammad" semasa memberi salam ke kiri. Di samping itu mereka tidak menqada'kan sembahyang yang tertinggal. Mereka juga beriktihad bahawa manusia mempunyai sifat-sifat Allah yang terkandung dalam Sifat Dua Puluh kecuali satu sahaja iaitu "Wujud". Setelah mempelajari ilmu Taslim, mereka melakukan upacara

“pemutus” atau tamat belajar dengan minum darah hati anjing hitam.²⁶

Semasa menjalankan kegiatan menyebarkan fahaman Taslim di Mersing, mereka yang terlibat dikatakan merahsiakan tempatnya dan berusaha supaya tiada seorangpun yang tidak terlibat secara langsung boleh mengintai. Pihak berkuasa Jabatan Agama yang melaporkan kegiatan mereka itu ialah Naib Kadhi Telok Sari sebenarnya tidak menyaksikan sendiri kegiatan mereka atau mendapatkan maklumat dari mereka yang terlibat. Keterangan yang diperolehi adalah dari “risikan luar sahaja”.²⁷ Namun begitu nampaknya laporan Naib Kadhi Telok Sari adalah lebih jelas daripada keterangan Abdul Wahab, seorang pengikut agama Taslim dalam ikrarnya pada 12.5.1954 kerana Naib Kadhi itu mengenal-pasti nama gurunya dan asal usulnya. Walau bagaimanapun, beliau tidak dapat memberikan keterangan lanjut mengenai tahap pelajaran agama guru itu dan begitu juga tentang apakah sebenarnya “Wali Noh Salam” yang menjadi guru kepada guru Taslim di Mersing.²⁸ Akan tetapi laporan Naib Kadhi membolehkan pihak Kadhi Mersing mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai gerakan Taslim di Mersing.

Setelah pihak PAJ mendapatkan maklumat lanjut mengenai kegiatan mereka yang terlibat dalam gerakan Taslim dari “murid-murid” guru Taslim di Mersing, barulah ternyata kepada pihak berkuasa PAJ bahawa nelayan-nelayan yang terlibat itu tertarik dengan ajaran agama Taslim disebabkan, sebagaimana yang dinyatakan oleh salah seorang dari mereka dalam ikrarnya dihadapan pihak Kadhi Mersing “... apabila kita pergi ke laut dan masuk waktu sembahyang tiada dikehendaki sembahyang lagi cukup dengan niat sahaja...”²⁹ Sehubungan dengan “sembahyang niat” itu, murid-murid agama Taslim telah diajarkan “erti” huruf-huruf Quran, misalnya huruf-huruf alif-lam-ha-mim-dal di samping “rahsia-rahsia” yang terkandung di dalam kalimat “al-Hamdu”. Mereka diajarkan intisari kalimat itu dan kaitannya dengan waktu-waktu sembahyang lima waktu.³⁰

Apabila dipanggil oleh pihak Kadhi Mersing, guru agama Taslim bernama Muhammad bin Deh yang dikatakan berasal dari Kelantan itu telah meninggalkan daerah Mersing. Beliau telah menulis surat tanpa tandatangan dan tanpa tarikh kepada Kadhi Mersing. Dokumen ini mungkin boleh dianggap sebagai “surat layang” sahaja yang kurang bernilai dari segi kesahihannya tetapi isi kandungannya menarik, misalnya kenyataan yang terkandung di dalamnya berbunyi:

Saya sembahkan sepucuk surat kepada Tuan berkenaan saudara kita di Telok Sari itu mengatakan saya ini memakai ilmu salah [Taslim] barangkali benar juga. Dengan sebab tuan sangat-sangat percaya perkataan itu...Sebab kampung Telok Sari ini suka dengki khianaf [*sic* khianat] kepada orang-orang dagang.³¹

Walau apapun kenyataan yang cuba disampaikan oleh guru Taslim itu, nampaknya yang jelas ialah setelah pemergiannya dari kampung Telok Sari, orang-orang yang telah belajar agama dengannya tidak lagi menyisihkan diri dari masjid untuk menunaikan sembahyang Juma'at seperti biasa. Keterangan Kadhi Mersing kepada PAJ mengenai perkara di atas berasaskan kepada laporan Naib Kadhi Kampung Telok Sari kepada Kadhi Mersing.³²

Apabila Muhammad bin Deh kembali ke Kampung Telok Sari pada pertengahan tahun 1955, Penghulu Telok Sari melaporkan peristiwa itu kepada Kadhi Mersing³³ dan Pegawai Daerah Mersing³⁴ tentang kegiatan mengajar dan belajar ilmu Taslim di kalangan nelayan-nelayan yang bekerja bersama-sama guru itu.

Walaupun dipanggil oleh Kadhi Mersing untuk bertemu dengannya, Muhammad bin Deh dengan seorang pengikutnya bernama Ali Kassim telah memilih untuk pergi berjumpa Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Mersing pada 23 Ogos 1955 untuk merakamkan ikrar mereka seperti di bawah ini:

Saya kedua-dua nama di bawah ini menyatakan sebenarnya telah mendengar amaran dari yang Mulia Engku Pegawai Daerah, iaitu jangan mengajar akan agama salah lagi di mana-mana dalam daerah Mersing sekiranya saya mengajar akan ditangkap.

2) Pegawai Daerah menyuruh taubat daripada ilmu-ilmu karut itu dan saya kedua mengaku ta'at akan segala perintahnya.³⁵

PENYEBARAN KEPERCAYAAN TASLIM

Orang-orang yang mempercayai agama Taslim mengaku bahawa mereka adalah orang-orang "Islam" walaupun mereka berpegang kepada iktiqad Taslim yang sesat dan boleh mengelirukan orang ramai sebagaimana yang terdapat dalam laporan akhbar di atas. Tidak syak lagi bahawa kepercayaan mereka terkeluar jauh dari agama Islam yang sebenarnya sebagaimana yang dihuraikan dalam kajian ini satu persatunya. Sepertimana yang telah dibicarakan sebelum ini, bahawa agama Taslim telah tumbuh dan hidup subur di daerah Segamat sejak pertengahan tahun-tahun 1940-an dan berkembang pada awal tahun-tahun 1950-an di desa mukim Gemereh.

Perbincangan mengenai ciri-ciri kepercayaan Taslim dapat dilakukan berasaskan kepada sumber-sumber dokumentasi yang berbentuk manuskrip dan juga bukan-manuskrip. Manuskrip terpenting mengenainya terdapat dalam fail PM 148/49³⁶ yang merupakan sebuah laporan lengkap mengenai “Kepercayaan Taslim” yang disediakan oleh seorang Pemeriksa Hal-hal Agama Johor. Sumber dokumentasi kedua pentingnya pula berupa rencana-rencana Abdul Jalil bin Haji Hasan yang diterbitkan dalam *WJAJ* pada awal tahun 1950.³⁷

Tentulah sumber manuskrip lebih mendekati kenyataan tentang kepercayaan dan iktiqad Taslim yang tersebar di Johor kerana pelapornya menyaksikan sendiri serta mendapatkan maklumat dari wakil-wakil agama Taslim di Segamat. Namun begitu gambaran mengenai kepercayaan Taslim adalah lebih menyeluruh dalam tulisan Abdul Jalil kerana dokumentasinya mengandungi penerangan-penerangan yang tidak terdapat dalam dokumen manuskrip. Kedua-dua jenis dokumen sejarah ini digunakan kerana difikirkan kedua-duanya saling melengkapi.

Susunan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepercayaan Taslim yang dibicarakan dalam kajian ini mengikut urutan yang terdapat dalam dokumen manuskrip. Namun begitu keterangan-keterangan dari sumber dokumen tercetak diselitkan di mana-mana perlu bagi meletakkan perkara-perkara tersebut dalam perspektif sejarah yang lebih jelas dan bermakna. Justeru kerana itu juga, Abdul Jalil menulis:

Di sini saya tertarik gemar hendak menerangkan dengan ringkasnya akan iktiqad Taslim yang sesat itu, bagi mengingatkan sekalian saudara-saudara saya kaum Muslimin, supaya jangan tertarik atau tercebur kepada kesesatan Taslim. Mudah-mudahan dengan berkat penerangan saya yang ringkas dapatlah saudara-saudara saya mengambilnya dijadikan neraca bagi mengetahui dan membezakan iktiqad Taslim yang sesat, dengan agama Islam yang sebenar. Inilah iktiqad Taslim yang sesat. Jika orang yang mengiktiqadkan itu asalnya orang Islam ia jadi murtad.³⁸

Laporan PHA nampaknya lebih mendekati kejadian sebenarnya di Segamat dan dari segi kesejarahannya tentulah laporan ini lebih bernilai kerana sifatnya sebagai sebuah manuskrip dalam fail rasmi yang belum dikaji. Justeru kerana itu susunan perkara-perkara yang dihuraikan tidak diubah satupun sepertimana yang terdapat dalam laporan PHA.

1) *Agama Menyerah Diri*

Kepercayaan Taslim berasaskan kepada konsep agama “menyerah diri”. Menurut huraian yang disampaikan oleh salah seorang guru Taslim kepada Pemeriksa Hal-hal Agama itu:

Allah memuji Nabi, puji Nabi olehmu. Serahkan diri anak isteri, harta benda kepada rasul atau gantinya [rasul Taslim berada di Pulau Pinang].³⁹

Istilah “Taslim” yang diertikan sebagai “menyerah” diperoleh dari ayat Quran, iaitu pada kalimah “taslima”.

Stockwell menyatakan bahawa agama Taslim ialah agama “salutation” atau “benediction” yang sekiranya diterjemahkan bermaksud “selawat”.⁴⁰ Istilah selawat juga terdapat dalam ayat Quran yang menjadi dalil kepercayaan, tetapi mereka sendiri mengatakan agama mereka adalah agama “menyerah diri” bukan “selawat” yang bermaksud “memberi hormat”.

Abdul Jalil Hasan dalam rencanya mengenai “Ikhtiqad Taslim” itu menghukumkan bahawa agama Taslim adalah “sesat dan terkeluar daripada Agama Islam” lantas menghuraikan:

Menyerah diri. Puak Taslim berikhtiqad, bahawa tiap-tiap seorang hendaklah menyerahkan dirinya, anak isterinya dan harta bendanya kepada (rasul) atau gantinya yang ada di Pulau Pinang, dengan serah yang amat nyata, ia ini berhadapan di hadapan (rasul) atau gantinya, jika tidak, nescaya tidak sah Islamnya. Mereka berpegang kepada ayat Quran: . . . mereka maknakan ayat ini dengan ertinya: Allah Ta’ala dan malaikat memuji atas nabi, hai sekalian orang yang beriman, puji olehmu atasnya dan serahkan sebagai serah yang amat nyata.⁴¹

2) *Rasul dan Khalifahnya*

Penganut-penganut agama Taslim percaya bahawa setelah Nabi Muhammad SAW wafat, maka batallah kenabian baginda. Maka dipercayai bahawa tidak dapat tiada baginda mempunyai pengganti sebagaimana nabi-nabi terdahulu.

Mereka berikhtiqad atau berpegang kepada kepercayaan bahawa:

. . . ganti Nabi Muhammad itu telah dibangkitkan oleh Tuhan pada masa ini namanya Syed Ali yang ada di Bayan Lepas di Pulau Pinang iaitu keturunan daripada Sayyidina Hasan (cucu Nabi SAW). Apabila mati Syed Ali ini digantikan oleh anaknya pula yang masih berumur pada masa ini di Bayan Lepas 13–14 tahun dan daripada ialah akan zahir imam Mahdi maka kepada Syed Ali inilah mereka menyerahkan diri dan diikhtiqadnya ganti Rasulullah pada masa ini.⁴²

Mereka berkepercayaan bahawa Allah melantik seorang Rasul sahaja iaitu Muhammad SAW, yang lain-lainnya bertaraf nabi. Dalam bersyahadah, mereka mengucapkan di samping dua kalimah syahadah, kalimah seperti berikut:

La ila ha ilaLah	Adam Khalifah Allah;
La ila ha ilaLah	Nuh Bahtera Allah;
La ila ha ilaLah	Ibrahim Wali Allah;

La ila ha ilalLah Musa Kalam Allah;
 La ila ha ilalLah Isa Roh Allah;
 La ila ha ilalLah Muhammad Rasul Allah.

Seterusnya dipercayai bahawa jumlah imam Mahdi ialah seramai lima puluh orang sebagaimana yang telah diberitahu oleh Allah SWT semasa Nabi Muhammad melakukan Mi'raj ke langit. Kenyataan yang terdapat dalam Hadis yang mengatakan bahawa Allah memfardukan sembahyang 50 waktu sehari semalam itu adalah suatu dusta yang direka oleh para ulama Islam untuk mengelirukan orang ramai. Menurut kepercayaan mereka kononnya, Allah telah memberitahu Rasulullah mengenai jumlah seramai 50 orang Mahdi yang akan lahir bukannya jumlah waktu sembahyang.⁴³

Berkaitan dengan soal waktu sembahyang itu Abdul Jalil Hasan menulis tentang pendapat Taslim:

Hadis Mi'raj Rasulullah ke langit dan hadis memfardukan sembahyang lima waktu itu bohong hanya dikarang oleh ulama-ulama bagi mengelirukan orang bodoh. Dari itu puak Taslim tidak sembahyang.⁴⁴

3) *Doktrin atau ilmu mengenal Allah*

Ilmu mengenal Allah bermula dengan kalimat yang bermaksud: "Barangsiapa kenalkan dirinya ia kenal akan Tuhannya."⁴⁵ Sehubungan dengan itu, mereka percaya bahawa Tuhan berada di dalam diri setiap manusia: "la ila" itu bermakna "istana Tuhan" dan "ilalLah" itu bermakna "Roh Tuhan". Justeru kerana itu manusia tidak wajib mengerjakan sembahyang kerana Allah itu bersatu dengan badan manusia.⁴⁶ Seterusnya mereka yang mempercayai doktrin ini menghubungkan dengan sepotong ayat Quran yang ditakwilkan bermaksud: "Aku (Allah) jadi Adam."⁴⁷

4) *Agama Islam di sisi Allah*

Dalil yang digunakan ialah sebgaiian dari ayat Quran yang ditakwilkan bererti: "Agama Islam di sisi Allah."⁴⁸ Mereka mempersoalkan: bagaimana hendak mengambil agama Islam di sisi Allah itu jika jita kenal akan Allah?

Justeru kerana itu mereka berpegang kepada pendapat mengikut takwilan di kalangan mereka bahawa orang yang hampir di sisi Allah itu ialah Rasulullah. Oleh kerana Rasulullah telah mangkat maka mereka berpendapat bahawa kerasulannya telah terbatal, maka dengan hal yang demikian mereka beriktihad jika hendak

beragama yang sebenar maka hendaklah berjumpa dengan “rasul” yang ada di Pulau Pinang itu⁵⁰

5) *Quran adalah karangan orang*

Mereka memetik ayat Quran yang mengikut takwilan mereka bererti seperti berikut:

Neraka bagi orang [bermaksud golongan ulama] yang menulis kitab [Quran] dengan tangannya kemudian dikatakan ini [Quran] daripada Allah dan dijualnya dengan murah.⁵¹

Pemerika Hal-hal Agama Johor melaporkan:

Dengan ayat tersebut di atas mereka beriktihad dengan iktihad: Quran yang ada itu bukan Quran. Dan Quran yang sebenarnya ialah pada diri Rasul yang ada di Pulau Pinang itu. Dari itu mereka [orang-orang Taslim] telah memfatwakan: kertas-kertas Quran yang ada ini boleh dibuat pembungkus hingga boleh dibuat pengesat najis (tahi).⁵²

Siapakah yang mengarang Quran? Mereka mengatakan bahawa golongan ulama itu ada dua puluh puak, maka yang masuk syurga satu puak jua yang lain masuk neraka termasuklah mereka iaitu para ulama yang menulis Quran itu.⁵³

6) *Asal Nyawa dan Jasad.*

Puak Taslim mengatakan bahawa Nabi Muhammad SAW ada berkata:

Ana abu al arwah wa Adam abu al basharu wa asal arwah sayyidina Adam min roh sayyidina Muhammad SAW wa asal bashar sayyidina Muhammad min bashar sayyidina Adam wa inna asal kulli min huma wahid.

Ertinya:

Sabda Nabi, aku bapa segala nyawa dan Adam bapa segala jasad dan asal nyawa sayyidina Adam daripada nyawa sayyidina Muhammad dan asal jasad sayyidina Muhammad daripada jasad sayyidina Adam dan asal keduanya satu.⁵⁴

Berlandaskan kata-kata yang disebut hadis itu orang-orang Taslim beriktihad bahawa pada tiap-tiap diri manusia itu ada Adam dan Muhammad. Oleh hal yang demikian apabila mereka mengucap: Asshaadu anna Muhammad ar RasululLah maka mereka berniat dalam hati mereka “Aku bersaksi bahawa aku Muhammad Rasul Allah”. Guru Taslim yang menyampaikan maklumat ini telah ber-

kata sebagai ingatan: “Ini terlalu sulit, jangan cakap dengan orang lain.”⁵⁵

Oleh sebab yang tersebut di atas itulah Stockwell merumuskan bahawa agama Taslim ialah agama niat (the religion of the will or vow).⁵⁶

7) *Dua Kalimah Syahadat*

Mereka mengucap dua kalimah syahadat seperti orang-orang Islam tetapi beriktihad bahawa orang yang hendak mengucap dua kalimah syahadat itu hendaklah “bersaksi” kerana erti *ashaadu* itu ialah “aku bersaksi”. Bersaksi itu hendaklah ada orang yang menyaksikannya dan “berhadapan” dengan orang itu, jika tidak maka ucapan kalimah syahadatnya tidak betul. Justeru kerana itu, setiap orang yang beriktihadkan agama Taslim mestilah “mengadap” rasul di Pulau Pinang iaitu ganti Nabi Muhammad SAW.⁵⁷

8) *Perkara Mati*

Orang-orang Taslim beriktihad bahawa mati ada dua macam: pertama “mati ma’nawiah”, yang bererti “engkau mati sebelum mati”⁵⁸ bermaksud orang-orang Taslim dikehendaki menyerahkan diri kepada rasul yang ada di Pulau Pinang itu; kedua, “mati asliah” iaitu apabila bercerai nyawa (Muhammad) dengan jasad (Adam).⁵⁹

9) *Perkara Langit*

Orang-orang Taslim mengatakan bahawa Quran turun dari langit. Langit itu kepala kita. Pintu langit itu mulut kita. Mulut kita itulah Jibril. Mata kita Mikail. Telinga kita Isra’il. Hidung kita Israfil.⁶⁰

10) *Perkara Juma’at*

Orang-orang Taslim mengatakan bahawa erti “juma’at” itu “bertemu”. Oleh itu hari Juma’at itu adalah hari Nabi Adam “bertemu” dengan Hawa, iaitu hari keduanya berjimak (bersetubuh). Maka pada waktu Zohor mereka mula berjimak, waktu Asar tengah kuat jimak, waktu Maghrib tengah pengsan, waktu Isyak baru sedar dan waktu Subuh bercerai iaitu selesai jimak.⁶¹

11) *Perkara Sembahyang*

Orang-orang Taslim berkata bahawa Tuhan berfirman dalam Quran bermaksud: “Jangan engkau hampiri sembahyang pada hal engkau

gila”.⁶² Berlandaskan pengertian seperti di atas itu, mereka beriktihad mereka tidak boleh sembahayang kerana orang bersembahayang adalah “gila” iaitu mereka tidak tahukan makna-makna dalam sembahayang itu. Laporan PHAJ tidak menjelaskan cara-cara ibadat sembahayang orang-orang Taslim di Segamat kerana mengikut kata guru Taslim”... ia akan menunjukkan cara-cara sembahayang yang sahnya dan yang betulnya apabila balik [ber]Taslim dari Pulau Pinang kelak.”⁶³

MODUS OPERANDI GERAKAN TASLIM

Cara-cara penyebaran faham agama Taslim adalah bercorak subversif, halus dan sulit. Mereka yang dikenali sebagai pengikut-pengikut adalah penduduk-penduduk desa yang kurang mendalam tentang selok-belok agama Islam. Dalam bahagian akhir kertas ini penulis membentangkan ciri-ciri *modus operandi* gerakan Taslim yang bertentangan dengan aqidah dan syariat agama Islam.

1) Penyebar-penyebar Taslim bijak mempersoalkan syariat dan lantaran menyarankan bahawa setiap syariat zahir ada batinnya. Mereka menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan yang boleh menarik minat kaum petani dan nelayan. Misalnya, di daerah Mersing, seorang pengikut telah dilaporkan terpengaruh dengan dakwah seorang penyebar Taslim apabila mempercayai bahawa sembahayang lima waktu “cukup dengan niat sahaja” dan jika sembahayang itu ditinggalkan, maka fardhu itu tidak perlu diganti atau qada’.⁶⁴

2) Untuk menanamkan keyakinan pengikut-pengikut Taslim terhadap gerakan, pengembang-pengembangnya menjalin hubungan mesra terlebih dahulu dengan cara memberikan syarahan di samping menyulamkan celaan terhadap ibadat agama Islam yang dianggap “kulit”. Sebaliknya, “isi” ibadat agama diterangkan dengan cara berdialog, misalnya mengenai “pati” surah al-Fatihah, suatu surah yang diwajibkan dibaca dalam sembahayang. Pengikut disuruh membacakan surah tersebut dengan nyaring dan setelah selesai maka pengikut itu diberitahu bahawa bacaan itu adalah “kulit” sahaja. Penyebar Taslim lantas mensyarahkan bahawa pembacaan sebenarnya adalah berhenti pada tiap-tiap “tanda bulat” kerana pada setiap tanda bulat itu ada nabinya yang menjaga iaitu “... tujuh Nabi dari Adam hingga ke bawah.”⁶⁵

3) Setelah pengikut itu yakin tentang wujudnya “pati” atau “isi” surah al-Fatihah, pengembang Taslim menyarankan tentang wujudnya “erti sebenar” huruf-huruf alif-lam-ha-mim-dal tetapi tidak melanjutkan penjelasan kerana pati itu adalah “rahsia”

bacaan al-Fatihah.⁶⁶ Apabila pengikut itu mempersoalkan apakah “rahsia” itu, maka pengembang Taslim menjelaskan hubungan huruf-huruf tersebut dengan fardhu sembahayang lima waktu, lambang-lambang dan tempatnya pada anggota tubuh badan manusia seperti jadual di bawah:

Huruf	Waktu Sembahayang	Lambang	Tempat
Alif	Subuh	Putih	di dahi
Lam	Zohor	Biru	di bahu
Ha	Asar	Kuning	di dada
Mim	Maghrib	Merah	di pusat
Dal	Isya'	Hitam	di kaki ⁶⁷

4) Apa yang dijelaskan di atas tidak meliputi semua “rahsia” surah al-Fatihah. Tujuan menggantungkan rasa ingin tahu pengikut atau murid Taslim adalah supaya pengembang itu boleh menilai dan menentukan sama ada bakal pengikutnya itu mampu menyimpan “rahsia” gerakan atau sebaliknya. Kebijaksanaan cara mengembangkan doktrin Taslim ini telah dirakamkan oleh seorang Penghulu di Mersing yang menulis bahawa pengembang Taslim itu: “... sungguh pandai memasukkan semangat sehingga dapat mengembangkan ilmunya.”⁶⁸ Apa yang dimaksudkan dengan “semangat” oleh Penghulu itu adalah perasaan ingin tahu yang ditimbulkan pada murid Taslim. Menerusi semangat inilah pengembang Taslim berhasil menjalinkan hubungan guru-murid yang erat dan sukar terurai. Apabila seseorang pengikut telah sampai ke tahap ini, maka barulah pengikut Taslim dilibatkan dengan upacara mengangkat sumpah ta’at setia supaya “rahsia” gerakan tidak dibocorkan kepada orang awam.

Dokumen sejarah yang terdapat di Arkib mengenai Gerakan Taslim di daerah Mersing tidak menerangkan upacara mengangkat sumpah itu tetapi artikel Abdul Jalil Hasan ada menjelaskannya berasaskan kepada suatu manuskrip yang terdapat dalam sebuah fail Pejabat Mufti Kerajaan Johor.⁶⁹

5) Upacara mengangkat sumpah ta’at setia di kalangan pengikut-pengikut gerakan Taslim merupakan suatu kaedah penting yang mengikat pengikut-pengikutnya supaya tidak membocorkan rahsia gerakan. Seseorang pengikut yang sampai ke tahap ini diwajibkan mengambil “ijazah” dalam suatu upacara pengiktirafan terhadap bidang ilmu Taslim yang telah dituntutnya. Pengikut itu dikenakan syarat-syarat yang ditentukan oleh gurunya, di antaranya ialah membawa sehelai kain putih panjangnya lima hasta untuk dijadikan “sejadah” bagi guru mengerjakan sembahayang sunat.

Guru mengajarkan niat sembahyang sunat itu kepada muridnya dan niatnya bermaksud: "Sahaja aku masuk tarekat berserta wirid kerana Allah Ta'ala."⁷⁰ Selepas sembahyang, murid disuruh memegang Quran dan bersumpah tidak akan membocorkan rahsia ilmu Taslim kepada sesiapa, sementelah kepada sesama murid. Sekiranya murid itu melanggar sumpahnya, Quran yang dipegang itu akan melaknatnya.

6) Setelah mengangkat sumpah, barulah guru mengajarkan zikir atau wirid yang menjadi "rahsia" gerakan Taslim yang berbunyi: "Laa ana ila hu" yang bermaksud: "Tiada aku melainkan Dia (Tuhan)".⁷¹ Wirid ini hendaklah diulang sebanyak tiga kali dan sekiranya diulang lebih dari tiga kali maka murid boleh terkeluar atau "murtad" dari agama Taslim. Selepas upacara mengangkat sumpah disempurnakan, guru memberikan minuman air sarbat yang dicampur dengan air hati anjing hitam. Menurut keterangan guru itu, anjing hitam halal dimakan kerana anjing hitam akan masuk syurga sebagaimana yang kononnya dikatakan tersebut dalam Quran, Surah al-Kahfi.⁷²

7) Seterusnya guru menjelaskan tentang sifat Tuhan yang diumpamakan seperti cahaya yang gemerlapan. Guru itu mengatakan: "Manakala hendak mati nanti datang rupa kapas dibusar gemerlapan cahayanya tiada dapat dicakapkan, itulah Tuhan."⁷³ Kesamaran tentang sifat Tuhan ini adalah disebabkan kata-kata tersebut tidak berasaskan dalil yang sahih dari Quran, Hadis ataupun ijma' ulama tetapi direka dan dikahayalkan semata-mata.

8) Guru mengeluarkan fatwa kepada muridnya, bahawa kalimah zikir "Laa-ana-ila-hu" hendaklah diingat dan dizikirkan seberapa banyak untuk menggantikan ibadat-ibadat yang lain seperti sembahyang lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, zakat dan sebagainya. Ibadat-ibadat yang dirukunkan dalam agama Islam boleh diamalkan seperti kebanyakan orang Islam sekiranya murid itu takutkan hukum adat sahaja.⁷⁴

Dengan mengucapkan kalimah tersebut, maka terurailah taklif syarak yang berhubung dengan hukum halal-haram. Misalnya, mereka boleh melakukan zina, malah sekiranya berzina dengan menyertakan amalan zakir. "Laa-na-ila-hu" dan kemudian mendapat anak, maka anak itulah yang dianggap anak yang soleh.⁷⁵

9) Guru mengkhabarkan bahawa apabila murid itu mengucapkan kalimah "Laa-ana-ila-hu", maka barulah murid itu masuk "Islam Sejati" dan "Doa Sejati" adalah seperti berikut:

Sejati namanya tubuh Aku,
Ini hidup tiada mati,
Siapa hakikatnya, Ya Allah, Ya Rasulullah,

Tempatnya di ubun-ubun,
 Sebutannya Ya Hu, Ya Hu
 Waktunya nafas bait al-Muqaddis,
 Perhimpunan nabi bait al-Makmur,
 Jalan Rasulullah naik syurga,
 Bait al-Muqaddis di pangkal rambut,
 Bait al-Makmur di hujung rambut,
 Mulianya, kamilnya,
 Sejati sempurna Aku lenyap,
 Tiada nyawa,
 Aku Allah,
 Aku Zat Rasulullah,
 Aku zahir Allah,⁷⁶
 Wajib al-Wujud.

Cara-cara yang dipraktikkan itu semuanya bertentangan dengan syariat agama Islam kerana dicipta begitu rupa supaya mutu harga ilmu “isi” tidak luntur bila-bila masapun. Malah cara mereka bersumpah dengan mengangkat Quran itu merupakan perbuatan yang bertentangan dengan agama Islam kerana ianya satu amalan maksiat. Hakikat ini tidak diketahui oleh orang-orang jahil yang takutkan makan sumpah.⁷⁷

Modus operandi yang dibicarakan di atas dengan jelas menampakkan tipu-muslihat dan pencerobohan guru agama Taslim ke atas pengikutnya. Dengan meninggalkan taklif hukum syarak, mereka yang mengikut ajaran agama Taslim dapat bercampur gaul dengan bebas tanpa sebarang peraturan yang disyariatkan oleh agama Islam. Mereka dikatakan melakukan “pekerjaan keji” dengan cara bersembunyi dan berjanji setia di kalangan mereka dengan mengangkat sumpah.⁷⁸

Pada lahirnya mereka melafazkan dua kalimah syahadat untuk menyatakan bahawa mereka beragama Islam akan tetapi pada batinnya mereka kafir dan cenderung melakukan kegiatan yang menyalahi norma dan nilai agama Islam. Misalnya dengan cara menghalalkan “free sex”, mereka dapat menarik perhatian orang awam yang jahil supaya memasuki kelompok sosial mereka dan melakukan “pekerjaan keji”.⁷⁹

KESIMPULAN

Aspek-aspek peristiwa, ideologi dan *modus operandi* gerakan Taslim yang dihuraikan di atas menampakkan ciri-ciri penentangan terhadap agama Islam yang menjadi agama negeri Johor. Dengan menggunakan istilah “Taslim” yang diertikan sebagai “Menyerah” serta mengelirukan orang-orang desa dengan mengatakan agama

Taslim adalah “Islam Sejati”, gerakan ini telah berjaya mempengaruhi orang-orang awam bangsa Melayu, khususnya di kawasan desa yang rata-rata jahil dalam pengetahuan agama Islam sebenarnya. Sungguhpun bilangan mereka yang diketahui oleh pihak Jabatan Agama tidak begitu besar tetapi implikasi ancamannya terhadap kewibawaan pihak berkuasa agama tidaklah boleh diperkecilkan.

Kepercayaan dan iktiqad Taslim yang bercanggah dengan agama Islam telah dihukumkan “murtad” oleh penguasa agama negeri disebabkan orang-orang kampung di daerah Segamat dan Mersing khususnya telah diajarkan dengan erti-erti batin, takwilan yang menyesatkan ke atas ayat-ayat Quran serta diselewengkan dengan makna-makna yang ganjil-ganjil kepada angka-angka bilangan dan huruf-huruf hejaiyah. Dengan menggunakan istilah-istilah falsafah yang samar-samar, mereka telah berhasil menyesatkan orang-orang desa dengan kepercayaan-kepercayaan karut yang langsung tidak berasaskan kepada kebenaran yang terdapat dalam Quran, hadis dan ijtimak ulama, sungguhpun ayat-ayat Quran, hadis-hadis dan kata-kata ulama telah diperalatkan.

Penelitian mengenai kemunculan gerakan Taslim tersebut telah menampilkan bagaimana kecenderungan beragama di kalangan orang-orang Melayu untuk mencari pegangan hidup berlandaskan agama Islam boleh diselewengkan oleh ajaran-ajaran yang bercorak kebatinan yang boleh mengakibatkan kekusutan dalam pemikiran mereka. Ancaman gerakan ini di kalangan orang-orang awam bangsa Melayu, khususnya di Johor, sangatlah serius kerana jarang orang awam menyedari hakikat bahawa gerakan ini berpunca dari pengaruh gerakan kebatinan yang anti-Islam dan bergerak secara teratur dan penuh rahsia. Sementelahan pula gerakan yang menyesatkan ini timbul dalam tempoh masa 1946–1956 iaitu pada dekad majoriti bangsa Melayu sedang giat menentang faham-faham penjajahan Barat dan ideologi Komunis menjelang kemerdekaan.

KEPENDEKAN

f	folio
KDM	Kadhi Daerah Mersing
KBJ	Kadhi Besar Johor
KDS	Kadhi Daerah Segamat
LPHA	Laporan Pemeriksa Hal-hal Agama
MBRAS	Malaysian Branch, Royal Asiatic Society
PAJ	Pejabat Agama Johor
PHA	Pemeriksa Hal-hal Agama

PKM	Pejabat Kadhi Mersing
PM	Pejabat Mufti
t. th.	tanpa tarikh
WJAJ	Warta Jabatan Agama Johor
YDPPAJ	Yang Di Pertua, Jabatan Agama Johor

NOTA KAKI

¹Lihat rencana-rencananya bertajuk:

- a) "Ikhtiqad Taslim itu sesat dan terkeluar dari Islam," *WJAJ*, 3, 15 R. Awal, 1369/4 Jan 1950, hh. 6-9.
- b) "Kepercayaan Taslim itu sesat dan terkeluar dari agama Islam," *WJAJ*, 4 R. Akhir, 1369/4, Feb. 1950, hh. 5-8.

²*Some Aspects of Sufism as understood and practised among the Malays*, Singapore, 1963, pp. 89-96. Lihat juga kajiannya yang lebih mendalam mengenai falsafah faham sufi yang ada kaitannya dengan konsep wujudiah, *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, Kuala Lumpur, 1970, hh. 329, 331 dan *passim*.

³*British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1945-48*, MBRAS Monograph No. 8, Kuala Lumpur, 1979, p. 152.

⁴*Ibid.*, pp. 152-153.

⁵*Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur, 1985, hh. 64-65, merujuk kepada kertas Mohd. Zahir bin Haji Othman, "Konsep Ajaran Taslim," Jabatan Usuluddin, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2.1.1980.

⁶*Ibid.*

⁷*Ibid.*, h. 90, catatan 1.

⁸PM 184/49, Laporan Pemeriksa Hal-hal Agama Johor, "Kepercayaan Taslim", 5hb. Disember, 1946. Laporan ini dipercayai dicabut dari fail PAJ 254/46 yang dikatakan "hilang" semasa dalam simpanan PAJ. Abdul Jalil Hasan menulis rencananya yang berjudul "Ikhtiqad Taslim itu Sesat dan Terkeluar daripada Agama Islam", *WJAJ*, Bil. 3, 4 Januari, 1950.

⁹Pekeliling Pejabat Agama menyatakan empat orang beragama Taslim telah keluar dari agama Islam. Di samping Kang Mat Ihsan dan Haji Yusoh terdapat nama-nama Hussin Ahmad dan Yaakub Haji Hussin yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Syariah Segamat pada 15.4.47 dan 23.4.47. Keterangan mengenai hukuman tersebut terdapat juga dalam PAJ 80/54, surat KDS (Ismail Omar bin Abdul Aziz) kepada YDPPAJ, 16.2.54.

¹⁰Abdul Jalil, "Ikhtiqad Taslim...", h. 6.

¹¹*Utusan Melayu*, 5.1.52. Keratan akhbar ini terdapat dalam fail PAJ 80/54.

¹²PAJ 80/54, salinan surat Haji Talib bin Haji Muhammad Saf kepada Muhammad Zan bin Musa, Setiausaha Mukim Council, Gemerah, 27.11.53. Lihat juga surat KDS (Ismail Omar bin Abdul Aziz) kepada YDPPAJ, 16.2.54.

¹³*Ibid.*, surat KDS kepada YDPPAJ, 16.2.54. (Jawapannya juga terdapat dalam *Ibid* dan *Fatwa Mufti Kerajaan Johor*, Jil. 1, Jabatan Agama Johor, Johor Bahru, 1981, hh. 324-325.)

¹⁴*Ibid.*, Borang Religion 48, diisi oleh amil zakat bernama Jaafar bin Haji Muhammad Zain, 12.6.54.

¹⁵Lihat Bil. 56, Julai 1954, hh. 23–25, membincangkan tentang ajaran dan kepercayaan Taslim.

¹⁶PAJ 80/54, surat KDS (Muhammad Farid bin Muhammad) kepada YDPPAJ, 26.3.56.

¹⁷*Ibid.*,

¹⁸*Ibid.*, Tuntutan ini sebenarnya suatu helah sahaja kerana mereka mengikut iktiqad agama Taslim mereka tidak diwajibkan sembahyang seperti orang-orang beragama Islam, termasuk sembahyang Jum 'at.

¹⁹*Ibid.*,

²⁰*Ibid.*, Tarikh yang dijanjikan ialah sehingga 2.4.56.

²¹*Ibid.*,minit YDPPAJ 11.4.56. Fail ditutup pada 11.4.56.

²²Kegiatan Taslim di Mersing terdapat dalam fail yang lain. Lihat PAJ 102/54, salinan surat ikrar Abdul Wahab bin Juma'at di hadapan Kadhi Daerah Mersing, 9hb. Ramadhan, 1373/ 12hb. Mei, 1954. *Nafsu nafsi* bererti seorang diri.

²³*Ibid.*.

²⁴*Ibid.*,

²⁵*Ibid.*, salinan surat Naib Kadhi Telok Sari kepada Kadhi Daerah Mersing, t. th. Naskhah asal surat bertulis tangan didapati dalam fail PKM 40/54. Kedua-dua naskhah tersebut telah dirujuk.

²⁶PAJ 102/54, salinan surat Naib Kadhi Telok Sari kepada KDM, t. th. Dalam upacara menerima ijazah di daerah Segamat, murid-murid agama Taslim yang masuk tarekat diberi minuman "air hati anjing hitam".

²⁷*Ibid.*.

²⁸*Ibid.*.

²⁹*Ibid.*, surat ikrar Awang bin Osman di hadapan KDM, Haji Muhammad Dhia'uddin pada 31.5.54.

³⁰*Ibid.*.

³¹PKM 41/54, surat Muhammad bin Haji Deh kepada KDM, t. th.

³²PAJ 102/54, minit (di kulit fail) KDM kepada YDPPAJ, 16.12.54.

³³*Ibid.*, salinan surat Penghulu Telok Sari Haji Ismail kepada KDM, 29.6.55.

³⁴PKM 40/54, surat Penghulu Telok Sari kepada Pegawai Daerah Mersing, 21.8.55.

³⁵*Ibid.*.

³⁶PM 148/49, LPHA, "Kepercayaan Taslim", 25.12.46.

³⁷Bil. 3, 15 R. Awal, 1369 bersamaan 4 Januari, 1950, hh. 6–9.

³⁸*Ibid.*, h. 6.

³⁹PM 148/49, LPHA, "Kepercayaan Taslim", 25.12.46.

⁴⁰Stockwell, *op. cit.*, p. 152.

⁴¹WJAJ, bil. 3, h. 7.

⁴²PM 148/49, LPHA, "Kepercayaan Taslim", 25.12.46, f.1.

⁴³*Ibid.*.

⁴⁴ *WJAJ*, Bil. 3, h. 6.

⁴⁵ Abdul Jalil, "Ikhtiqad Taslim...", h. 6.

⁴⁶ *Ibid.*.

⁴⁷ PM 148/49, LPHA, "Kepercayaan Taslim", 25.12.46, f.2.

⁴⁸ *Ibid.*.

⁴⁹ *Ibid.*.

⁵⁰ *Ibid.*. Cf. *WJAJ*, Bil. 3, h. 7.

⁵¹ PM 148/49, LPHA, "Kepercayaan Taslim", f.2.

⁵² *Ibid.*. Tidak dibicarakan dalam *WJAJ*, Bil. 3, h. 7.

⁵³ PM 148/49, LPHA, "Kepercayaan Taslim", f.2.

⁵⁴ *Ibid.*.

⁵⁵ *Ibid.*.

⁵⁶ Stockwell, *op. cit.*, p. 152.

⁵⁷ PM 148/49, LPHA, "Kepercayaan Taslim", f. 2.

⁵⁸ *Ibid.*.

⁵⁹ *Ibid.*, ff. 2-3. Istilah "asliah" tidak dipakai oleh Abdul Jalil bin Haji Hasan dalam rencananya tetapi beliau menggunakan istilah "hakiki", lihat *WJAJ*, Bil. 3, h. 7. Istilah "asliah" merupakan istilah yang sewajarnya digunakan kerana istilah itulah yang dilaporkan oleh PHA kepada pihak PAJ. Oleh kerana laporan PHA sepatutnya terletak dalam fail PAJ 254/46 yang dilaporkan "hilang", maka memang ada keterangan menunjukkan dokumen yang ditulis oleh PHA adalah lebih awal dan juga lebih menghampiri sumber mengenai kepercayaan Taslim. Istilah "hakiki" adalah istilah "gantian" Abdul Jalil bin Hassan yang kurang menepati maksud "asliah".

⁶⁰ PM 148/49, LPHA, "Kepercayaan Taslim", f. 3.

⁶¹ *Ibid.*.

⁶² *Ibid.*.

⁶³ *Ibid.*.

⁶⁴ PKM 40/54, ikrar Awang bin Osman, di hadapan Kadhi Daerah Mersing, Haji Muhammad Dhiauddin, 31.5.54. Salinan ikrar telah dihantar kepada YDPPAJ, lihat fail PAJ 102/54.

⁶⁵ PKM 40/54, ikrar Awang bin Osman, 31.5.54. Yang dimaksudkan dengan "tanda bulat" ialah tanda berhenti dalam al-Quran. Biasanya di dalam bulatan itu terdapat nombor bilangan ayat sesuatu surah. Jumlah bilangan ayat al-Fatihah ialah 7. Dalam gerakan kebatinan, angka tujuh ini ditakwilkan dengan bermacam-macam pengertian doktrin kebatinan yang semuanya tidak ada asas kebenaran dari segi agama Islam.

⁶⁶ *Ibid.*.

⁶⁷ *Ibid.*.

⁶⁸ *Ibid.*.

⁶⁹ PM 538/49, draf kertas berjudul "Bunyi Ijazah Ilmu Sesat dan Bangkangan Kita", t. th. Sebahagian besar isi kertas ini telah diterbitkan oleh Abdul Jalil Hasan,

berjudul “Ikhtiqad Taslim itu sesat dan terkeluar daripada agama Islam”, *WJAJ*, Bil. 3, hh. 6–9. Keterangan dari kertas-kertas yang terkandung dalam PM 538/49 menunjukkan bahawa beliau adalah penulisnya dan beliau adalah salah seorang ahli Jawatankuasa Penerbitan PAJ yang menerbitkan *WJAJ* disamping memegang jawatan Penolong Mufti Kerajaan Johor.

⁷⁰PM 538/49, “Bunyi Ijazah...”, f. 1. bandingkan *WJAJ*, Bil. 3, h.8.

⁷¹PM 538/49, “Bunyi Ijazah...”, f. 1.

⁷²*Ibid.*.

⁷³*Ibid.*.

⁷⁴*Ibid.*.

⁷⁵*Ibid.*.

⁷⁶*Ibid.*, f. 2.

⁷⁷*Ibid.*, f. 2-3.

⁷⁸*Ibid.*, f. 3.

⁷⁹*Ibid.*, f.4.